

# SIARAN AKHBAR

## PENGGUNA THIJARI CECAH LEBIH 1 JUTA

**KUALA LUMPUR, 3 November 2021** – Pendeposit Lembaga Tabung Haji (**TH**) ternyata cenderung dengan penggunaan teknologi dan kemudahan digital apabila platform THiJARI telah menarik lebih satu (1) juta pengguna sejak pelancarannya pada Februari tahun lepas.

Menurut Dato' Sri Amrin Awaluddin, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, THiJARI adalah inisiatif dan komitmen **TH** untuk memudahkan lebih lapan (8) juta pendepositi untuk melakukan transaksi secara dalam talian dengan selamat tanpa perlu hadir ke pejabat cawangan.

"Setakat ini, THiJARI telah merekodkan purata 50 ribu transaksi sehari dan sebanyak 1.5 juta transaksi sebulan, melibatkan nilai deposit lebih daripada RM200 juta melalui dalam talian," tambah beliau lagi.

Malah jumlah transaksi melalui THiJARI juga telah melonjak tiga kali ganda dalam masa setahun yang lepas. Ini menggambarkan permintaan yang tinggi daripada pengguna dan pendeposit yang semakin selesa dengan perkhidmatan digital yang ditawar oleh **TH**.

**TH** telah menggiatkan kempen pendaftaran THiJARI sejak November tahun lalu dengan menganjurkan pelbagai promosi bagi menarik lebih ramai pendeposit **TH** menggunakan THiJARI. Bersempena kempen pendaftaran THiJARI baru-baru ini, seorang pendeposit wanita, Puan Rosni binti Yasin dari Telok Penglima Garang, Selangor berjaya menjadi pengguna ke-sejuta dan bakal menerima hadiah wang tunai RM1,000.

**TH** berharap lebih ramai akan mendaftar sebagai pengguna THiJARI kerana ianya selamat, lebih mudah serta menjimatkan masa dan kewangan. Para pendeposit boleh melaksanakan transaksi secara dalam talian seperti urusan pertanyaan baki, cetak penyata, simpanan melalui pindahan, semak status haji, pendaftaran haji dan rayuan haji di mana sahaja mereka berada termasuk di luar negara.

Pendaftaran adalah mudah di mana pendeposit hanya perlu melakukan tiga langkah sahaja untuk mendaftar sebagai pengguna di laman web THiJARI, [www.thijari.com.my](http://www.thijari.com.my). Seterusnya, aplikasi THiJARI boleh dimuat turun terus daripada Google Play atau App Store secara percuma ke telefon pintar atau tablet.

**-Tamat-**

#### **LEMBAGA TABUNG HAJI**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini merancang simpanan bagi menunaikan ibadat haji.

Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara dan mempunyai lebih 58 tahun pengalaman, **TH** sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan sistematik demi menjaga kebajikan jemaah haji Malaysia (tidak termasuk urusan umrah). Selain diberi tanggungjawab dan amanah untuk menguruskan simpanan pendeposit serta urusan haji yang efisyen, **TH** turut menjalankan aktiviti pelaburan dalam dan luar negara yang berlandaskan syariah bagi memberi nilai tambah kepada simpanan para pendeposit.

Pencapaian **TH** yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif dan mempunyai hampir sembilan juta pendeposit serta 123 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** turut mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan **TH**, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Pusat Panggilan **TH** (THCC) di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<b>Affan Aimaduddin Azami</b> Penolong Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara <b>TH</b> Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: <a href="mailto:affan.aimaduddin@lth.gov.my">affan.aimaduddin@lth.gov.my</a>	<b>Mohamad Naser Jaffar</b> Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara <b>TH</b> Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: <a href="mailto:naser@lth.gov.my">naser@lth.gov.my</a>
--	---